

18/12/1998

Alat khas simpan pisang

SERIUS ... Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendengar penjelasan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, mengenai sistem penyimpanan pisang untuk dieksport, sekembalinya ke Kuala Lumpur petang semalam selepas menghadiri Sidang Kemuncak Asean Keenam di Hanoi yang berakhir kelmarin.

Pesawat khas yang membawa Perdana Menteri serta isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan rombongan, mendarat di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, jam 7.05 petang.

Turut menyambut kepulangan Dr Mahathir ialah Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Kasitah Gaddam, Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali dan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Datuk Mohd Noor Rahim.

(END)